

## LEMBARAN PENJELASAN PRODUK

### Pembiayaan Pendidikan-i

Baca Lembaran Penjelasan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon. Sila pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian, terma atau syarat am yang dinyatakan di sini.

Jenis Produk : Pembiayaan Pendidikan-i

Tarikh :

#### 1 Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

Pembiayaan Pendidikan-i ("EduF-i") adalah Kemudahan pembiayaan patuh Syariah yang menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang berkecukupan untuk melanjutkan pengajian mereka dalam kursus Asasi, Pra-Universiti (A-Level), Diploma, Ijazah, Pasca Siswazah (Ijazah Sarjana dan Kedoktoran) dan Profesional dalam kursus tempatan/ institusi pendidikan swasta di bawah senarai Panel Bank. Program Kursus pengajian adalah tertakluk kepada kelulusan Bank.

#### 2 Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Produk ini adalah berdasarkan konsep Tawarruq, di mana:

- Melalui Dokumen Sekuriti, Pelanggan, akan menandatangani Permintaan Pembelian dan Akujanji Membeli Komoditi (Wa'd) daripada Bank pada Harga Jualan berdasarkan Murabahah iaitu yang termasuk harga kos Komoditi dan margin keuntungan. Pada masa yang sama, Pelanggan juga melantik Bank sebagai ejen (Wakalah) untuk menjual Komoditi tersebut kepada pedagang komoditi pihak ketiga.
- Setelah permohonan diluluskan, Bank akan menawarkan Kemudahan melalui sistem pesanan ringkas ("SMS"). Apabila Pelanggan memberi maklum balas untuk menerima tawaran melalui SMS, Bank akan membeli Komoditi pada harga kos yang bersamaan dengan Harga Belian /Jumlah Pembiayaan.
- Apabila hak milik Komoditi telah berpindah kepada Bank, Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar oleh Pelanggan kepada Bank dengan cara ansuran atau berdasarkan pembayaran tertunda. Pelanggan akan membeli Komoditi yang sama pada Harga Jualan. Transaksi jualan Murabahah ini dilaksanakan melalui SMS.
- Apabila selesai item (ii) dan (iii) di atas, Bank, yang bertindak sebagai ejen Pelanggan akan menjual Komoditi tersebut kepada pedagang komoditi pihak ketiga pada harga kos Komoditi yang bersamaan dengan Harga Belian. Hasil daripada jualan Komoditi akan dikreditkan kepada Panel Institusi Pendidikan berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui.

#### 3 Apa itu Kadar Asas Standard ("KAS")?

Kadar Asas Standard (KAS) yang ditawarkan untuk produk ini berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras sekarang dihubungkan sebagai Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai pelaksanaan KAS, sila rujuk Panduan Pengguna BNM dan Soalan Lazim di

<https://www.mbsb.com/bm/sbr-br-bfr>

#### 4 Apakah kebarangkalian keadaan yang menyebabkan perubahan KAS?

KAS boleh naik dan turun mengikut perubahan kadar penanda aras iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).

#### 5 Sejarah KAS untuk 3 tahun yang lalu.

Sila rujuk sejarah penanda aras KAS terkini di [www.mbsb.com](http://www.mbsb.com) (rujuk para 3)

#### 6 Apakah yang saya akan perolehi melalui produk ini?

Struktur/ Yuran Kursus	RM _____
Amaun Pembiayaan Dipohon	RM _____
Harga Siling	RM _____
Tempoh Pembiayaan	_____ tahun (termasuk GP/ SP)
Tempoh Tangguh/ Pengajian (GP/SP)	_____ tahun
Kadar Untung Siling	_____ setahun
KAS Semasa (a)	_____
Kadar Untung (b)	_____
Kadar Untung Efektif (a+b)	_____
Bayaran Bulanan (tanpa GP/SP)	RM _____

#### Nota:

i) Kadar Keuntungan Indikatif adalah tertakluk pada penarafan kredit dan penilaian kredit anda.

ii) Semua pengiraan adalah anggaran, berdasarkan kadar keuntungan indikatif.

iii) Pengiraan Kadar Keuntungan adalah berdasarkan kadar harian.

iv) Pengiraan ansuran bulanan adalah berdasarkan pengeluaran penuh Kemudahan pembiayaan.

#### 7 Apakah tanggungjawab saya?

- Membuat Bayaran Tempoh Tangguh semasa dalam Tempoh Tangguh/ Pengajian (sekiranya berkaitan); atau
- Membayar ansuran bulanan penuh selepas pembayaran penuh atau tamat Tempoh Tangguh/ Pengajian (sekiranya berkaitan).

Ilustrasi dengan dan tanpa Tempoh Tangguh/ Pengajian: Tarikh mula bagi bayaran pertama keuntungan atau ansuran bulanan adalah seperti berikut:

Tarikh Pengeluaran Pertama	Tarikh Berkuatkuasa Bayaran Pertama	Contoh: Tarikh Pengeluaran Pertama	Contoh: Tarikh Berkuatkuasa Bayaran Pertama
1 - 10 haribulan	5 haribulan bulan depan	2 Januari 2024	5 Februari 2024
11 haribulan & berikutnya	5 haribulan bulan berikutnya	20 Januari 2024	5 Mac 2024

**Penting:** Ansuran bulanan dan jumlah bayaran anda akan berubah sekiranya KAS berubah. Perubahan bayaran bulanan dan jumlah bayaran tersebut akan tertakluk kepada Bank memberi anda notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum perubahan tersebut berkuatkuasa.

	KAS Semasa: 3.00%	Jika KAS naik 1%: 4.00%	Jika KAS naik 2%: 5.00%
Ansuran Bulanan	RM	RM	RM
Jumlah keuntungan pada akhir tempoh 25 tahun	RM	RM	RM
Jumlah bayaran pada akhir tempoh 25 tahun	RM	RM	RM

**Nota:**

- Semasa Tempoh Tangguh/ Pengajian (jika berkaitan), anda dikehendaki membuat Bayaran Tempoh Tangguh selepas pengeluaran pembiayaan yang pertama.
- Amaun ansuran bulanan penuh pertama anda akan bermula selepas pengeluaran pembiayaan penuh dilakukan atau tamat Tempoh Tangguh/ Pengajian (yang mana berkaitan).
- Jika anda membuat bayaran pembiayaan melalui arahan tetap, anda harus menukar jumlah ansuran apabila terdapat perubahan kepada KAS.

Contoh pengiraan Bayaran Tempoh Tangguh (BTT) sekiranya mempunyai Tempoh Tangguh/ Pengajian:

Bayaran Tempoh Terikat = Jumlah Pengeluaran Pembiayaan x Kadar Untung Efektif x (Bil. Hari / 365 atau 366)

Kadar Untung Efektif = 5.75%; Jumlah Pengeluaran Pembiayaan = RM100,000

Jumlah amaun BTT yang perlu dibayar:  $[100,000 \times 5.75\% \times (30/365)] = RM472.60$

## 8 Apakah Fi dan Caj yang perlu saya bayar?

Duti Setem	Seperti terkandung dalam Akta Setem (Semakan 1989)
Sumbangan Takaful	Mengikut sebut harga yang disediakan oleh penyedia Takaful
Fi Wakalah	Seperti caj yang dikenakan oleh Peniaga Komoditi yang dilantik oleh Bank.

**Nota:**

- Anda akan diberi notis bertulis terlebih dahulu (yang juga termasuk melalui cara elektronik) sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sekiranya berlaku sebarang perubahan kepada yuran dan caj di atas.
- Sila rujuk laman web kami di [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com) untuk butiran lanjut tentang yuran dan caj.

## 9 Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi syarat yang diperuntukkan?

Sekiranya anda menghadapi kesulitan membayar ansuran bulanan, sila hubungi pihak Bank untuk bayaran alternatif. Kelewatan dari pihak anda akan mengakibatkan perkara berikut:

Pampasan Lewat Bayar (Ta'widh)	Anda bertanggungjawab membayar Pampasan Lewat Bayar (Ta'widh) pada mana-mana jumlah tertunggak seperti berikut:								
	<table border="1"> <tbody> <tr> <td>Sepanjang Tempoh Pembiayaan</td> <td>Tidak melebihi 1% setahun atas jumlah yang tertunggak di bawah pembiayaan.</td> </tr> <tr> <td>Selepas Tempoh Matang Pembiayaan</td> <td>Tidak melebihi kadar harian <i>Islamic Interbank Money Market</i> ("IIMM") yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki yang tertunggak (baki prinsipal dan keuntungan terakru).</td> </tr> <tr> <td>Pembiayaan ditarik semula atau dibawa ke mahkamah sebelum tempoh matang</td> <td>Tidak melebihi 1% setahun atas jumlah tertunggak (baki prinsipal dan keuntungan terakru).</td> </tr> <tr> <td>Selepas Perbicaraan</td> <td>Tidak melebihi kadar IIMM yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia atas jumlah tertunggak (tidak termasuk kos undang-undang dan pampasan bayaran lewat yang belum dipungut) dari tarikh perbicaraan sehingga jumlah yang dibicarakan selesai sepenuhnya.</td> </tr> </tbody> </table>	Sepanjang Tempoh Pembiayaan	Tidak melebihi 1% setahun atas jumlah yang tertunggak di bawah pembiayaan.	Selepas Tempoh Matang Pembiayaan	Tidak melebihi kadar harian <i>Islamic Interbank Money Market</i> ("IIMM") yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki yang tertunggak (baki prinsipal dan keuntungan terakru).	Pembiayaan ditarik semula atau dibawa ke mahkamah sebelum tempoh matang	Tidak melebihi 1% setahun atas jumlah tertunggak (baki prinsipal dan keuntungan terakru).	Selepas Perbicaraan	Tidak melebihi kadar IIMM yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia atas jumlah tertunggak (tidak termasuk kos undang-undang dan pampasan bayaran lewat yang belum dipungut) dari tarikh perbicaraan sehingga jumlah yang dibicarakan selesai sepenuhnya.
	Sepanjang Tempoh Pembiayaan	Tidak melebihi 1% setahun atas jumlah yang tertunggak di bawah pembiayaan.							
	Selepas Tempoh Matang Pembiayaan	Tidak melebihi kadar harian <i>Islamic Interbank Money Market</i> ("IIMM") yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki yang tertunggak (baki prinsipal dan keuntungan terakru).							
Pembiayaan ditarik semula atau dibawa ke mahkamah sebelum tempoh matang	Tidak melebihi 1% setahun atas jumlah tertunggak (baki prinsipal dan keuntungan terakru).								
Selepas Perbicaraan	Tidak melebihi kadar IIMM yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia atas jumlah tertunggak (tidak termasuk kos undang-undang dan pampasan bayaran lewat yang belum dipungut) dari tarikh perbicaraan sehingga jumlah yang dibicarakan selesai sepenuhnya.								
<b>Nota:</b>									
<ol style="list-style-type: none"> <li>Ta'widh tidak akan dikompauan;</li> <li>Kaedah dan kadar Ta'widh adalah tertakluk kepada perubahan yang ditentukan oleh BNM;</li> <li>Ta'widh dikira pada asas harian bermula pada tarikh akhir pembayaran/ tarikh penamatan/ tarikh matang/ tarikh perbicaraan.</li> </ol>									
Tindakan undang-undang	<p>Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda di bawah keadaan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Gagal memberi maklum balas kepada notis peringatan.</li> <li>Anda bertanggungjawab untuk menjelaskan baki yang tinggal dan sebarang jumlah kekurangan.</li> <li>Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin akan menjejaskan penarafan kredit anda, lantas menyebabkan pembiayaan lebih sukar atau mahal untuk anda.</li> </ol>								
Hak penolakan	Bank boleh menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda di Bank terhadap mana-mana baki belum jelas dalam akaun pembiayaan anda dengan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum penolakan tersebut dilaksanakan.								

#### 10 Bagaimana jika saya menjelaskan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- a) Bank akan memberikan Ibra' (Rebat), atas jumlah baki Harga Jualan yang masih belum anda bayar berdasarkan keadaan berikut:
- Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Untung Efektif adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Untung Siling.
  - Selepas penyelesaian penuh Kemudahan anda dalam senario berikut:
    - Penyelesaian Awal oleh Pelanggan; atau
    - Penstrukturan semula Kemudahan; atau
    - Keingkaran; atau
    - Penamatan atau Pembatalan Kemudahan.
- b) Bank akan memberikan Rebat (Ibra') kepada anda mengikut formula berikut:  
**Rebat (Ibra') = Untung Tertanggung – Caj Penyelesaian Awal (jika ada)**  
**Jumlah Penyelesaian = Harga Jualan Tertanggung + Ansuran Tertanggung + Pampasan Lewat Bayar (Ta'widh) + Lain-lain Caj – Rebat (Ibra')**

#### 11 Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Perlindungan Takaful adalah tidak wajib. Walau bagaimanapun, adalah sangat digalakkan bagi melindungi anda kerana ia akan menampung baki jumlah pembiayaan yang masih belum dibayar ketika keadaan kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. Polisi Takaful perlu diambil daripada panel penyedia Takaful kami atau penyedia Takaful lain mengikut pilihan anda yang mana diluluskan oleh Bank.

#### 12 Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

- a) **Kadar Boleh Ubah**  
 Kadar keuntungan adalah berdasarkan kadar boleh ubah dan mungkin berubah bergantung kepada perubahan mengikut kadar rujukan (iaitu KAS). Peningkatan dalam kadar keuntungan tersebut mungkin akan menyebabkan ansuran bulanan yang lebih tinggi. Peningkatan ansuran bulanan tersebut akan tertakluk kepada Bank memberi anda notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum perubahan tersebut berkuatkuasa.
- b) **Melebihi Umur Persaraan**  
 Bagi tempoh pembiayaan yang melebihi umur persaraan, anda hendaklah mempertimbangkan kaedah bayaran alternatif bagi menjelaskan bayaran pembiayaan semasa umur persaraan.

#### 13 Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Tiada penjamin diperlukan, bagaimanapun, berdasarkan kes ke kes mungkin diperlukan untuk cagaran tambahan untuk menyokong permohonan (jika diperlukan).

#### 14 Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada Bank jikalau terdapat apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan untuk memastikan semua perhubungan sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila hubungi 03-2096 3000 (Pusat Khidmat Pelanggan) atau kunjungi cawangan Bank terdekat untuk mengemaskini sebarang perubahan.

#### 15 Di mana saya boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan?

Jika anda menghadapi masalah dalam membuat bayaran, hubungi Bank dengan segera untuk membincangkan bayaran alternatif. Anda boleh menghubungi Bank di:	Secara alternatif, anda boleh meminta perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma bagi individu. Hubungi AKPK di:
Jabatan Kutipan & Pemulihan Tingkat 7, Wisma MBSB Bank, 48, Jalan Dungun, Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur No. Tel : 03-2083 5000 Emel : ecu.careline@mbsbbank.com	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit Tingkat 5 dan 6, Menara Aras Raya (sebelum ini dikenali sebagai Menara Bumiputra Commerce), Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  No. Tel.: 03 2616 7766 No. Faks: 03 2616 7601 Web: www.akpk.org.my
Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank di:	Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselsaikan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Pusat Perhubungan Pelanggan Tingkat 25, Menara MBSB Bank, PJ Sentral Jalan Persiaran Barat, Seksyen 52 46200 Petaling Jaya, Selangor No. Tel : 03-2096 3000 Emel : complaint@mbsbbank.com / enquiry@mbsbbank.com Web : www.mbsbbank.com	Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur, No. Tel. : 1-300-88-5465 No. Faks : 03-2174 1515 E-mel : bnmtelink@bnm.gov.my

**16 Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila layari laman web kami [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com) atau hubungi kami di:

Unit Pembiayaan Pendidikan  
Bahagian Perbankan Konsumer  
Menara MBSB Bank, PJ Sentral  
Jalan Persiaran Barat, Seksyen 52  
46200 Petaling Jaya, Selangor  
Tel. No. : 03-7455 5555  
Web : [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com)

**NOTA PENTING:**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MENJELASKAN ANSURAN  
BULANAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN-i ANDA**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran penjelasan ini adalah sah pada

:

